

# Syor tubuh badan khas siasat isu Undang Luak

20.6.87

SEREMBAN, Jumaat — Kerajaan Negeri Sembilan diminta menubuhkan sebuah jawatankuasa penyiasat untuk mencari penyelesaian terhadap krisis pemilihan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 yang sudah berlanjutan hampir empat tahun.

Jawatankuasa itu hendaklah dianggotai oleh mereka yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai perjalanan Adat Perpatih khususnya di Luak Sungai Ujong.

Anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang yang mencadangkan demikian, mahu seorang pegawai kanan kerajaan menganggo-

tal jawatankuasa berkenaan.

Dalam satu kenyataan kepada Berita Harian di sini, jurucakap mereka berkata jawatankuasa itu hendaklah dianggotai oleh pakar-pakar adat, berasal dari Negeri Sembilan seperti Senator Dr Nordin Selat, Tan Sri Abdul Samad Idris dan Profesor Mustafa Kamil Yassin.

Pegawai kanan Kerajaan Negeri Sembilan pula menjadi wakil rasmi Menteri Besar.

"Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai oleh mereka yang tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10 bagi membolehkannya berfungsi dengan berkesan," katanya.

Beliau berkata jawatankuasa itu mengadakan perbincangan dengan anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Bayu, Dusun, Nyonyoi serta Tinggang sendiri bagi mendapatkan buah fikiran mereka mengenai isu berkenaan.

Bagaimanapun, penubuhan jawatankuasa ini tidak sepatutnya dianggap sebagai satu campur tangan orang luar dalam urusan pentadbiran Adat Perpatih tetapi ia membantu dewan dalam menyelesaikan krisis itu, tambahnya.